

Submission date: 20.01.2026 Accepted date: 21/01/2026 Published date: 01/03/2026

**Biografi Riduan Bin Rahmat:
36 Tahun Berkhidmat, 80 Hari Bergelar
Setiausaha Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia
(*Biography of Riduan Bin Rahmat:
36 Years of Service, 80 Days as The Secretary of The
House of Representatives, Parliament of Malaysia*)**

Dina Miza Suhaimi*
Universiti Sains Malaysia
***Corresponding author: dinamiza@usm.my**

Abstrak

Riduan bin Rahmat lahir pada 27.10.1965 di Tanjung Rambutan, Perak. Tanggal 03.01.1989, seawal usia 24 tahun, beliau telah memulakan kerjaya sebagai Penolong Pegawai Tadbir (Sementara) Gred B11 di Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur. Gaji pertama yang diterima adalah sebanyak \$830.00 dan dibayar secara tunai. Ketokohan YBr. Tuan Haji Riduan (A.M.N) (J.M.W.) adalah apabila menjadi salah seorang daripada tiga individu yang pernah dilantik untuk memegang dua jawatan berprestij di Parlimen Malaysia, iaitu sebagai (1) Setiausaha Dewan Negara (SUDN) (08.09.2014 - 21.02.2020); dan (2) Setiausaha Dewan Rakyat (SUDR) (22.02.2020 - 12.05.2020). Sayangnya, lantikan singkat Riduan sebagai SUDR hanya bertahan selama 80 hari apabila terkait sandiwara Langkah Sheraton. “Tak sangka, sebagai penjawat awam, saya terpalit dengan Langkah Sheraton dan saya kehilangan jawatan sebagai SUDR” - YBr. Tuan Haji Riduan bin Rahmat (A.M.N.) (J.M.W.).

Kata Kunci: Biografi, Dewan Negara, Dewan Rakyat, Langkah Sheraton, Parlimen Malaysia.

Abstract

Riduan bin Rahmat was born on October 27, 1965, in Tanjung Rambutan, Perak. On January 3, 1989, at the age of 24, he began his career as an Assistant Administrative Officer (Temporary) Grade B11 at the Parliament of Malaysia in Kuala Lumpur. His first salary was \$830.00, paid in cash. He was one of only three people ever appointed to hold two prestigious positions within the Parliament of Malaysia: (1) Secretary of the Senate (08.09.2014 – 21.02.2020); and (2) Secretary of the House of Representatives (22.02.2020 – 12.05.2020). Unfortunately, Riduan's short tenure as Secretary of the House of Representatives lasted only 80 days, as it became entangled in the political maneuvers of the 'Sheraton Move'. "I never expected that, as a civil servant, I would be caught up in the Sheraton Move and lose my position as the Secretary of The House of Representatives," remarked Tuan Haji Riduan bin Rahmat.

Keywords: Biography, House of Senate, House of Representatives, Sheraton Move, Parliament of Malaysia.

Pengenalan

Riduan bin Rahmat lahir pada 27.10.1965 di Tanjung Rambutan, Perak. Tanggal 03.01.1989, seawal usia 24 tahun, beliau telah memulakan kerjaya sebagai Penolong Pegawai Tadbir (Sementara) Gred B11 di Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur. Gaji pertama yang diterima adalah sebanyak \$830.00 dan dibayar secara tunai. Ketokohan YBr. Tuan Haji Riduan (A.M.N) (J.M.W.) adalah apabila menjadi salah seorang daripada tiga individu yang pernah dilantik untuk memegang dua jawatan berprestij di Parlimen Malaysia, iaitu sebagai (1) Setiausaha Dewan Negara (SUDN) (08.09.2014 - 21.02.2020); dan (2) Setiausaha Dewan Rakyat (SUDR) (22.02.2020 - 12.05.2020). Sayangnya, lantikan singkat Riduan sebagai SUDR hanya bertahan selama 80 hari apabila terkait sandiwara Langkah Sheraton. “Tak sangka, sebagai penjawat awam, saya terpalit dengan Langkah Sheraton dan saya kehilangan jawatan sebagai SUDR” - YBr. Tuan Haji Riduan bin Rahmat (A.M.N.) (J.M.W.).

Fokus utama penulisan ini adalah untuk mendokumentasi latar belakang serta suka duka perjalanan karier tokoh. Penulis telah menemuramah YBr. Tn. Hj. Riduan bin Rahmat pada 31 Disember 2024 bertempat di pejabat Setiausaha Bahagian (Sumber Manusia), Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur.

Dapatan Kajian

(a) Latar Belakang Keluarga (1965-1971)

Riwayat kehidupan Riduan bin Rahmat bermula di Tanjung Rambutan, Perak, pada tanggal 27 Oktober 1965. Riduan mempunyai lima orang adik beradik dan merupakan anak bongsu kepada pasangan Rahmat bin Koomo (Pak Cik Rahmat) dan Kelsom bt. Haji Muhammad (Mak Kelsom). Pak Cik Rahmat adalah seorang pesara tentera yang kemudiannya berkhidmat sebagai atendan di Hospital Bahagia, Ulu Kinta, Tanjung Rambutan, Perak. Perkahwinan pertama Pak Cik Rahmat bersama Bibi telah dikurniakan dua orang anak lelaki, iaitu Rashid dan Ramli. Setelah berpisah dengan Bibi, Pak Cik Rahmat seterusnya berkahwin dengan Mak Kelsom dan dikurniakan lima orang anak: Asnah, Mazlan, Maznah, Robidah dan Riduan. Berasal dari

Sitiawan, Perak; Mak Kelsom merupakan suri rumah sepenuh masa. Semasa masih lagi bergelar suami-isteri, Pak Cik Rahmat telah berkahwin kali ketiga dengan Rohanah bt. Daud (Mak Wok) dan dikurniakan empat orang anak: Zalina, Malizala, Razman dan Sofi.

Namun, langit kehidupan tidak selamanya cerah. Setelah mengetahui perkahwinan baharu suaminya, Mak Kelsom yang pada ketika itu baharu sahaja melahirkan Riduan; telah dihimpit gelora emosi dan masalah kesihatan - Postpartum depression. Akibat keadaan kesihatan Mak Kelsom yang tidak memuaskan, seawal usia tiga bulan, Riduan telah diserahkan dan diamanahkan sebagai anak angkat kepada jiran rapat, iaitu pasangan mulia Osman bin Ngah Leman (Abah Osman) dan Juriah bt. Abdul Ghaffar (Mak Mok). Abah Osman berkhidmat sebagai atendan hospital sakit jiwa. Mak Mok yang pada ketika itu sangat berkenan dengan nama Muhammad Yusuf, telah memanggil Riduan dengan panggilan manja Ucop. Abah Osman dan Mak Mok mempunyai empat orang anak kandung: Rosly, Roslaini, Roslan dan Rosnan serta Ucop – anak angkat dan bongsu dalam keluarga tersebut. Transaksi kasih sayang ini bukan sekadar pergantian penjagaan, malah ia adalah permulaan sebuah ikatan yang utuh.

Maka bermulalah lembaran baharu bagi Ucop sebagai anak angkat. Meskipun dibesarkan di luar lingkaran keluarga kandung, Ucop menyifatkan dirinya sebagai insan yang bertuah dek keakraban jalinan silaturahmi yang terjalin erat, baik dengan adik-beradik angkat mahupun kandungnya. Masa kecil diisi dengan mengaji dan bermain bersama rakan-rakan sekampung. Permainan tradisi yang digemari adalah galah panjang dan jengket (atau tengteng). Berkat didikan penuh kasih sayang Abah Osman dan Mak Mok, Ucop menyifatkan dirinya sebagai seorang yang ceria, berfikiran positif dan mudah memaafkan. Sifat-sifat inilah yang kemudiannya menjadi tunjang kepada ketokohan Ucop dalam arena perkhidmatan awam.

(b) Fasa Formatif: Pendidikan Sekolah Rendah (1972-1977)

Wacana pendidikan awal Ucop bermula di Sekolah Rendah Methodist, Tanjung Rambutan, Perak. Pada tahun 1973, semasa belajar di Darjah Dua, Cikgu telah memanggil Ucop. “Ucop. Pak Man (Abah Osman) mai. Pak Cik Rahmat meninggal. Nak kebumi di Tambun”. Ucop pun berlalu bersama Abah (Osman), tanpa mengerti bahawa perkhabaran tersebut merupakan pemergian abadi serta titik perpisahan di dunia antara anak dan ayah kandungnya. Pak Cik Rahmat telah menghembuskan nafas terakhir di Hospital Ipoh, akibat demam kuning dan dikebumikan di Tambun. Semasa di Darjah Dua jua, Cikgu berbangsa Cina telah menyuruh Ucop membetulkan dan menulis semula nama Riduan bin Osman kepada Riduan bin Rahmat. Sejurus tamat waktu sekolah, Ucop menceritakan peristiwa tersebut kepada ibu angkatnya, Mak Mok.

- Ucop : Mak, kenapa Cikgu suruh Ucop tulis Riduan bin Rahmat, bukan ‘bin Osman’? Macam abang dan kakak?
- Mak : Ooo... sebenarnya, dulu Pak Cik Rahmat tiada anak. Jadi, Abah bagi Pak Cik Rahmat pinjam Ucop. Lepas Pak Cik Rahmat dapat anak, Abah ambil Ucop semula. Nanti-nanti, kita tukar lah nama bin Osman tu...

Semasa di bangku sekolah rendah, Ucop meminati mata pelajaran Ilmu Alam atau Geografi (Ahmad 2016). Mata pelajaran ini menuntut ketelitian dalam melakar peta, melukis garis kontur, dan mewarnakannya dengan tepat. Namun, di sebalik minat mendalam ini, tersembunyi suatu keterbatasan—warna. Ucop hanya dapat melihat dengan jelas warna-warna asas—merah, biru, dan kuning. Gunung-ganang pada lakaran peta diwarnakan dengan campuran merah dan ungu. Sejak insiden tersebut, Cikgu telah melabelkan

semua pensel warna bagi membolehkan Ucop terus berkarya dalam keterbatasannya. Semasa menduduki Penilaian Darjah Lima (PDL) (Said, Mohamad dan Ruzanna 2023), Ucop telah berjaya mendapat keputusan cemerlang 2A 3B. Mak Mok sangat sayang dan berbangga dengan keputusan PDL Ucop dan berhasrat menghadiahkan sebuah basikal chopper kepada Ucop.

Mak : Pandainya anak mak... Nanti kita beli basikal chopper.
 Ucop : Tak payah la beli basikal chopper. Mahal. Baik tukar surat beranak. Tulis nama Ucop 'bin Osman'.
 Mak : (Menangis)

Hasil keputusan cemerlang PDL jua, Ucop telah mengisi borang untuk memohon bersekolah di Royal Military College (RMC). Namun, semasa sesi temuduga, Ucop gagal mengecam nombor yang tertera kerana masalah rabun warna yang dihadapi. Sejak itu, Ucop mula sedar dirinya mengalami masalah rabun warna. Setahun berlalu... Semasa di Darjah Enam, Ucop mulai faham akan istilah 'anak angkat'. Dengan hati yang berat, linangan air mata, dan suara yang sayu, Mak Mok menceritakan asal-usul keluarga kandungnya. "Mak sayang Ucop, tau...". Detik pendedahan ini bukan sahaja merungkai salasilah, tetapi ia mengukuhkan lagi nilai kasih sayang yang mengatasi pertalian darah.

(c) Transisi Remaja: Pendidikan Sekolah Menengah Rendah dan Sekolah Menengah Tinggi (1978–1982)

Seterusnya pada tahun 1978, bermulalah fasa sebagai pelajar menengah rendah di Sekolah Menengah Rendah Ulu Kinta, Perak. Oleh kerana sekolah tersebut terhad sehingga pendidikan menengah rendah sahaja, Ucop kemudiannya melanjutkan pendidikan menengah tinggi di Sekolah Menengah Raja Chulan, Ipoh, Perak - dengan menaiki bas. Memilih aliran Sains, Ucop menghadapi kesukaran semasa mata pelajaran Kimia berlangsung. "Sebab tu saya tak suka Kimia". Ucop tidak dapat mentafsirkan warna campuran bahan kimia yang dihasilkan, kerana masalah rabun warna yang dihadapinya. Mengetahui perkara tersebut, pada

setiap kali mata pelajaran Kimia berlangsung, Cikgu akan memberitahu Ucop warna apa yang terhasil daripada eksperimen. Ucop menamatkan persekolahan menengah dengan (Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pangkat II.

(d) Evolusi Intelek dan Eksplorasi Sosio-Ekonomi (1983–1989)

Didorong oleh cita-cita untuk berkhidmat sebagai pegawai kerajaan, Ucop melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma Pentadbiran Awam (1983-1985) di Institut Teknologi MARA (ITM) (Kasim 2003) Arau, Perlis. Pada permulaan pengajian, Ucop tidak berjaya mendapatkan biasiswa pendidikan kerana terkait penglibatan Abah Osman sebagai seorang ahli parti pembangkang sejak 1970-an. Hanya pada semester ke 3 dan 4, Ucop berjaya mendapat pinjaman pendidikan daripada negeri Perak.

“... Masa tu saya belajar Diploma di ITM Arau, saya join gotong royong di Utan Aji. Saya kena patuk dengan ular kapak. Saya kena masuk hospital. Masa di hospital, saya dapat satu buku ini dan baca - ‘Apa Ertinya Saya Menganut Islam’. Buku ini amat mendalam dan memberi kesan pada hidup saya”.

“... Satu lagi... masa saya belajar kat ITM Arau tu, ada ustaz suruh saya cari ahli keluarga dan adik beradik. Kami terpisah, sebab ayah saya kahwin tiga. Saya pula dibela oleh keluarga angkat”.

Ucop tamat pengajian Diploma pada tahun 1986, iaitu semasa negara dan dunia dihimpit kemelesetan ekonomi (Jusoh dan Hassan 1989). Kemelesetan ini melibatkan penguncupan pasaran pekerjaan dan peningkatan kadar pengangguran siswazah. Keadaan ini secara langsung telah mempengaruhi trajektori kehidupan Ucop yang baru bergraduasi. Demi menghadapi kekangan ekonomi, Ucop melakukan kerja-kerja rencam, dengan

bekerja di kilang papan lapis, kilang batu kapur serta berniaga barangan kosmetik dan kelengkapan dandanan diri seperti minyak angin, bedak, syampu serta cecair pencuci pinggan – dari Ipoh hingga ke Klang.

“...ada hari tu, saya jual sabun. Sampai di Klang, macam biasalah, telefon keluarga. Kata dah sampai. Abah kata ada surat panggil temuduga...”

“...Saya pi temuduga tu. Saya tak mohon, tetapi dipanggil ke temuduga. Difahamkan, ITM Shah Alam bagi 10 nama untuk temuduga tu. Yang menariknya, saya sorang saja yang hadir temuduga tu. Pagi tu saya ambil ujian bertulis dan lisan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Petang tu, saya dapat keputusan temuduga: BERJAYA!”

“...sebelum lapor diri, saya masih lagi berniaga. Macam biasa, sampai di Klang, saya mesti telefon keluarga. Bila saya telefon, keluarga kata keadaan Abah tenat...”

(e) Trajektori Profesional di Parlimen Malaysia (1989-2025)

Tanggal 03 Januari 1989, Riduan bin Rahmat telah melapor diri dan mula mengorak langkah pertamanya ke Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur; sebagai Penolong Pegawai Tadbir (Sementara) Gred B11 - suatu pangkat permulaan yang sederhana namun sarat dengan potensi. Gaji yang ditawarkan adalah sebanyak \$830.00 dan dibayar secara tunai - suatu simbolisme era klasik. Tatkala melapor diri, oleh kerana tiada rekod rasmi permohonan kerja, kerani telah meminta Riduan untuk menaip sepucuk surat permohonan kerja yang diletakkan tarikh undur (backdated). Itulah antara detik-detik yang menjadi mukadimah kepada sebuah perjalanan panjang, sebelum memahat nama sebagai figura penting di Parlimen Malaysia.



Gambar 1: Riduan sebagai Penolong Pegawai Tadbir (Sementara) Gred B11 di Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur, pada 04 April 1989

Sumber: Koleksi peribadi YBr. Tn. Hj. Riduan bin Rahmat

“...Pada 20 Januari 1989, hanya beberapa minggu selepas saya melapor diri, Abah (Osman) meninggal dunia. Al-Fatihah buat Abah...”

“...Pada April 1989 pula, bulan puasa, saya telah ke Changkat Jering kerana kawan meninggal. Lepas kebumi kawan, saya jalan nak ke kereta, dan mendapat panggilan daripada Mak (Mok) yang menelefon daripada Ulu Kinta; mengatakan mak kandung saya (Mak Kelsom) meninggal dunia di Taiping. Saya sampai di rumah mayat Hospital Taiping pukul 3 petang. Waktu senja, kebumi Mak Kelsom di Kampung Pasir, Setiawan. Sana, saya jumpa nenek kandung – Opah Hitam. Dia masih hidup...”

“...Lepas berpisah dengan Pak Cik Rahmat, Mak Kelsom berkahwin kali kedua di Bagan Serai, kemudian kali ketiga di Kuala Kangsar. Rupa-rupanya Mak Kelsom dah 27 kali keluar-masuk Hospital Bahagia, sebelum meninggal dunia. Innalillah...”

Tirai kerjaya Riduan beralih ke fasa yang lebih mapan pada 04 Oktober 1990, apabila beliau secara rasminya menyandang jawatan hakiki sebagai Penolong Pegawai Tadbir (Tetap) Gred B11. Pada 01 Januari 1992, seiring pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB), jawatan Penolong Pegawai Tadbir B11 telah dijenamakan kepada Penolong Pegawai Tadbir N6. Amanah di gred baharu ini dipikul dengan penuh dedikasi sehingga 08 Oktober 1999. Di sebalik kesibukan mengurus hal ehwal legislatif, Riduan telah menyambung pengajian di ITM Shah Alam, Selangor, secara mod luar kampus (off campus) bermula 1994. Perjuangan intelektual selama empat tahun akhirnya membuahkan hasil pada tahun 1998, apabila berjaya menggenggam segulung Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pentadbiran Perniagaan (Sumber Manusia) — suatu bukti bahawa ketekunan bekerja bukanlah penghalang kepada kelana ilmu.



Gambar 2: Riduan bersama Mak Mok pada tahun 1998, di Gombak setelah tamat pengajian Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pentadbiran Perniagaan (Sumber Manusia) daripada ITM Shah Alam, Selangor

Sumber: Koleksi peribadi YBrS. Tn. Hj. Riduan bin Rahmat

Pasca selesainya tuntutan akademik, bermula 09 Oktober 1999, kerjaya Riduan bin Rahmat memasuki fasa lonjakan apabila dinaikkan pangkat sebagai Penolong Setiausaha (Pegawai Tadbir Gred N6). Pada 01 Oktober 2002, Riduan dilantik sebagai Pegawai Tadbir – Penolong Setiausaha Gred N41. Seterusnya berkuatkuasa pada 01 Mac 2003, Riduan menyandang jawatan sebagai Pegawai Tadbir - Ketua Penolong Setiausaha Gred N48; dan berakhir pada 31 Mei 2006. Lonjakan ini mencerminkan kepercayaan institusi terhadap keupayaan Riduan.

Kerajaan Malaysia menguruskan sumber manusia dalam Perkhidmatan Awam melalui pelaksanaan sistem saraan. Sejak negara mencapai kemerdekaan, sistem saraan yang dilaksanakan oleh kerajaan telah melalui evolusi bagi membolehkan

penambahbaikan dibuat dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Sistem-sistem saraan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan adalah Laporan Jawatankuasa Kabinet (JKK 1976), Sistem Saraan Baru (SSB 1992), Sistem Saraan Malaysia (SSM 2002) (Hidup dan Matore 2024) dan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA 2024) (Yusoff dan Zulkipli 2025).



Gambar 3: Riduan bersama pegawai Parlimen Australia dan Wan Junaidi di Australia pada tahun 1993

Sumber: Koleksi peribadi YBr. Tn. Hj. Riduan bin Rahmat



Gambar 4: Riduan bersama Abdullah Fadzil Che Wan, Shariff Jajang, Wan Junaidi (tengah, atas), Rahim Baba dan Kang Chow Oh (Kluang) di Australia pada tahun 1993
Sumber: Koleksi peribadi YBrS. Tn. Hj. Riduan bin Rahmat

Lantikan En. Riduan daripada Gred N41 pada tahun 2002 dan terus ke Gred N48 pada tahun 2003 adalah di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM 2002). Di bawah SSM 2002, merujuk Lampiran B6 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan lapisan gred tambahan dalam skim perkhidmatan bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional: Gred N3 / Gred N44 (Baru) (Pekeliling Perkhidmatan 2002).

“...Tahun 2004, Mak Mok sakit-sakit. Mak Mok nak duduk dengan saya. Saya serba salah juga sebab saya ni, anak angkat sahaja... Tapi oleh kerana terlalu sayang, saya berbesar hati untuk menjaga Mak Mok...”

“...Tanggal 18 September 2009 (Jumaat), bersamaan 28 Ramadhan 1430 H, lagi 2 hari nak Raya, Mak Mok meninggal. Lepas sahur, Mak Mok nak ambil wudhuk. Jatuh dalam bilik air. Doktor tulis sebab kematian: sakit tua, umur 79 tahun. Tapi umur

sebenar 83 tahun. Sebab orang dulu-dulu lambat daftar. Mak Mok disemadikan di Raudhatul Sakinah, Tanah Perkuburan Islam JAWI, Gombak, KL. Al-Fatihah...”

Seterusnya, YBr. Tn. Riduan dilantik sebagai Setiausaha Bahagian Sumber Manusia Gred N52 daripada 01 Jun 2006 hingga 19 Mac 2015. Momentum kerjaya Tn. Riduan diteruskan tanpa henti. Berkuatkuasa pada 08 September 2014, Tn. Riduan menyandang jawatan yang lebih utuh dan penting di Parlimen Malaysia, iaitu sebagai Setiausaha Dewan Negara (SUDN). Tidak hanya terhenti di situ, kejayaan Tn. Riduan disusuli dengan kenaikan pangkat ke Gred N54 pada 20 Mac 2015, yang mengiringi kedudukannya sebagai SUDN sehingga 21 Februari 2020. Pada 22 Februari 2020, Tn. Riduan menempa kejayaan demi kejayaan, apabila dilantik sebagai Setiausaha Dewan Rakyat (SUDR). Pelantikan ini bukan sahaja menandakan kejayaan peribadi yang gemilang tetapi juga mencerminkan keupayaan beliau dalam menguruskan hal ehwal legislatif negara.

Untuk rekod, Tn. Riduan merupakan salah seorang daripada tiga individu yang pernah memegang kedua-dua jawatan sebagai Setiausaha Dewan Negara (SUDN) dan Setiausaha Dewan Rakyat (SUDR), Parlimen Malaysia (Jadual 1). Merujuk Perkara 65: Setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat, Perlembagaan Persekutuan (2020, 70):

- (1) Maka hendaklah ada seorang Setiausaha Dewan Negara dan seorang Setiausaha Dewan Rakyat.
- (2) Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan dan setiap seorang hendaklah memegang jawatan sehingga dia mencapai umur persaraan paksa bagi anggota perkhidmatan awam am melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau ditukarkan kepada suatu jawatan lain dalam perkhidmatan awam am itu.

- (3) Orang yang memegang jawatan Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Fasal ini hendaklah, melainkan jika mana-mana orang itu belum mencapai umur lima puluh lima tahun dan sudah memilih untuk menjadi anggota perkhidmatan awam am Persekutuan, terus memegang jawatan masing-masing atas terma-terma dan syarat-syarat yang tidak kurang baiknya daripada yang terpakai baginya sebaik sebelum permulaan kuat kuasa sedemikian dan tidaklah boleh dipecat daripada jawatan kecuali atas alasan dan mengikut cara yang sama seperti seorang hakim Mahkamah Persekutuan, dan dalam hal ini representasi yang disebut dalam Fasal (3) Perkara 125 hendaklah representasi yang dibuat oleh Yang di-Pertua Dewan Negara atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, Yang di-Pertua Dewan Rakyat.



Gambar 5: Riduan bersama Ruhana Abdullah, Ahmad Husni, Ng Lip Yong dan Mohammad Kamal Yan Yahaya - delegasi Malaysia yang dijemput khas ke Istana Fidel Castro, sebagai tanda penghormatan; ketika berlangsungnya Persidangan Inter-Parliamentary yang ke-105 di Havana, Cuba
Sumber: Koleksi peribadi YBr. Tn. Hj. Riduan bin Rahmat

Jadual 1: Senarai SUDR dan SUDN, Parlimen Malaysia

Senarai SUDR			Senarai SUDN		
1.	C.A. Fredericks	1959 - 1964	1.	Ramli bin Abdul Hamid	1959 - 1960
2.	Sheikh Abdullah Sheikh Abu Bakar	1964 – 1965	2.	Abdul Ghani bin Mohd Don	1960 - 1961
3.	Haji Shamsuddin bin Haji Mohd Sidin	1965 - 1967	3.	Hj Shamsuddin bin Hj Mohd Sidin	1961 - 1962
4.	Jaafar bin Mohd Taha	1967 - 1969	4.	Ahmad bin Abdullah	1962 - 1969
5.	Ahmad bin Abdullah	1969 - 1972	5.	Lim Joo Keng	1969 - 1978
6.	Dato' Azizul Rahman bin Abdul Aziz	1972 - 1988	6.	Hj Ahmad Hasmuni bin Hj Hussein	1978 - 1986
7.	Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman	1988 - 1993	7.	Hj Abdul Rahim bin Hj Abu Bakar	1986 - 1988
8.	Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali	1993 - 1998	8.	Hj Mohamad Salleh bin Abu Bakar	1989 - 1995
9.	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan	1998 - 06.01.2004	9.	Dato' Abdullah bin Abdul Wahab	1996 - 2004
10.	Dato' Abdullah bin Abdul Wahab	07.01.2004 - 15.08.2006	10.	Datuk Zamani bin Haji Sulaiman	01.04.2004 - 07.09.2014
11.	Datuk Mahmood bin Adam	11.09.2006 - 20.12.2007	11.	Riduan bin Rahmat	08.09.2014 - 21.02.2020

Senarai SUDR			Senarai SUDN		
12.	Datuk Roosme binti Hamzah	26.12.2007 - 21.02.2020	12.	Hj. Muhd Sujairi bin Abdullah	22.2.2020 - Kini
13.	Riduan bin Rahmat	22.02.2020 - 12.05.2020			
14.	Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin	13.05.2020 - Kini			

Sumber: Parlimen Malaysia (2025)

Walau bagaimana pun, perjalanan karier Tn. Riduan sebagai SUDR hanya sempat merentasi 80 hari apabila pelantikan berprestij tersebut ditamatkan pada 12 Mei 2020 —sebuah fasa perkhidmatan yang singkat tetapi sarat makna.

Penulis : Mengapa?

Tuan Riduan : Langkah Sheraton. Tak sangka, sebagai penjawat awam, saya terpalit dengan Langkah Sheraton dan saya kehilangan jawatan sebagai SUDR. Boleh baca buku Tan Sri Ariff. Beliau ada tulis sikit pasal saya.

Merujuk buku *Unexpected: Recollections of Parliament, Politics, and Pandemic in Malaysia* karya Yang Berhormat Tan Sri Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof (Yusof 2022):

... the challenges and problems that I (Tan Sri Dato' Ariff) faced and of course ending with the tumultuous developments between February and March 2020 - coinciding with the event now notoriously known as the Sheraton Move – that finally led to my removal from (the Dewan Rakyat) office on 13th July 2020 (Yusof 2022, 17).

... The unreasonable dismissal of the SUDR – Riduan Rahmat – he was removed as the SUDR within 24 hours' notice. Unfortunately for Riduan, it was a period of controversy to which he fell victim – most unfairly, to my mind (Yusof 2022, 230).

... The decision by the Government to remove Riduan as the SUDR was unfair, unreasonable and disproportionate. To my mind, Riduan had acted professionally within the existing procedures. He was a good and efficient SUDR who had served the Dewan Negara well. He did not deserve to be removed so summarily as the SUDR and transferred

out to another Division of Parliament (Yusof 2022, 231).

Setelah melakar sejarah memegang jawatan sebagai Setiausaha Dewan paling singkat di Parlimen Malaysia, Tn. Riduan kembali menyumbang khidmat bakti, meneruskan kerjaya sebagai Pegawai Tadbir – Setiausaha Bahagian, Parlimen Malaysia. Fasa kesinambungan dan dedikasi ini tidak luput dari pengamatan institusi. Pada 20 Februari 2021, komitmen beliau yang utuh selama puluhan tahun diiktiraf apabila dianugerahkan kenaikan pangkat Khas Untuk Penyandang (KUP) Gred VU7. Kenaikan pangkat ini mencerminkan kedudukan beliau sebagai seorang pentadbir yang disegani dalam perkhidmatan awam negara.

(f) Sintesis dan Aspirasi Masa Hadapan

Sepanjang berkhidmat di Parlimen Malaysia, YBrs. Tn. Hj. Riduan telah dikurniakan dua anugerah khas: (i) Darjah Kebesaran Ahli Mangku Negara (A.M.N.) – pada tahun 2014; dan (ii) Darjah Kebesaran Johan Mahkota Wilayah (J.M.W.) – pada tahun 2022. Di sebalik kerjaya profesional, terdapat penyempurnaan jiwa yang lebih agung. YBrs. Tn. Hj. Riduan amat bersyukur kerana mendapat peluang untuk menunaikan Rukun Islam yang ke-5, iaitu mengerjakan ibadah haji. Kelana rohani ke tanah suci ini, yang bermula pada 27 Mei 2025, menjadi persiapan spiritual yang indah sebelum beliau melabuhkan tirai perkhidmatan secara rasmi pada 27 Oktober 2025. Ibadah haji ini bukan sekadar pencapaian peribadi, tetapi juga sebuah metafora yang menghubungkan pengakhiran tugas duniawi dengan matlamat ukhrawi.

Kesimpulan

Penulisan ini telah membincangkan secara ringkas latar belakang, perjalanan hidup serta ketokohan YBr. Tn. Hj. Riduan bin Rahmat khususnya di Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur. Setelah melalui perjalanan karier yang penuh suka duka—bermula daripada Penolong Pegawai Tadbir (Sementara) Gred B11 bertarikh 03 Januari 1989; kepada 36 tahun berkhidmat, 80 hari bergelar Setiausaha Dewan Rakyat (SUDR) di Parlimen Malaysia; tibalah masa untuk YBr. Tuan Haji Riduan bin Rahmat (A.M.N.) (J.M.W.) meninggalkan warisan pentadbiran dan memoir agung institusi legislatif negara.

Nota:

- (1) Penulis merupakan mantan Pegawai Penyelidik di (i) Jawatankuasa Pilihan Khas, Dewan Rakyat dan (ii) Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur dari 08 Mei 2023 – 01 Julai 2025.
- (2) Penulis telah menemuramah YBr. Tn. Hj. Riduan bin Rahmat pada 31 Disember 2024 bertempat di pejabat Setiausaha Bahagian (Sumber Manusia), Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur.
- (3) Sebelum 1968, terdapat mata pelajaran Kajian Alam Semula Jadi untuk Darjah 1 – 2 dan mata pelajaran Ilmu Alam bagi Darjah 3 – 6. Geografi mula diperkenalkan di sekolah rendah pada tahun 1927 (Ahmad 2016).
- (4) Pada tahun 1988, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memansuhkan Penilaian Darjah Lima (PDL) untuk mengganti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) (Said, Mohamad, dan Ruzanna 2023).
- (5) Universiti Teknologi MARA (UiTM) dilahirkan sebagai Dewan Latihan RIDA (1956), seterusnya menjadi Maktab MARA (1965), diikuti oleh Institut Teknologi MARA (ITM) pada 1967 dan telah berubah wajah menjadi sebuah Universiti pada 1999 (Kasim 2003).

- (6) Ekonomi Malaysia mengalami kemerosotan antara tahun 1985 hingga pertengahan tahun 1987. Pada awal separuh pertama dekad 1980-an, kadar pengangguran adalah rendah. Namun demikian, ianya mula meningkat sejak 1985, dengan kadar melebihi 8% pada tahun 1987 dan 1988 (Jusoh dan Hassan 1989).
- (7) Gambar 3: Riduan bersama pegawai Parlimen Australia dan Wan Junaidi.
[Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar merupakan Yang di-Pertua Negeri Sarawak yang ke-8 sejak 2024. Beliau merupakan mantan Yang di-Pertua Dewan Negara (YPDN) ke-19 pada 19 Jun 2023 sehingga 18 Januari 2024].
- (8) Gambar 4: Riduan bersama Abdullah Fadzil Che Wan, Shariff Jajang, Wan Junaidi, Rahim Baba dan Kang Chow Oh.
[Allahyarham YB Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang), Timbalan Menteri Luar Negeri; YB Dato' Haji Mohd. Sharif bin Jajang, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang); YB Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar); YB Senator Tuan Rahim bin Baba A.M.P. ; dan Mendiang YB Tuan Kang Chow Oh (Kluang)].
- (9) Gambar 5: Riduan bersama Ruhana Abdullah, Ahmad Husni, Fidel Castro, Ng Lip Yong dan Mohammad Kamal Yan Yahaya.
[Puan Ruhana binti Abdullah merupakan mantan Pegawai Tadbir di Parlimen Malaysia; YB Dato' Seri Ahmad Husni Hanadzlah merupakan mantan Ahli Parlimen (Tambun); Fidel Castro merupakan Presiden Cuba; YB Tuan Ng Lip Yong (Batu); dan YBhg. Dato' Mohammad Kamal Yan Yahaya - merupakan duta pertama Malaysia ke Cuba pada tahun 2001].

Rujukan

Buku

Yusof, A. (2022). *Parliament, Unexpected: Recollections of Parliament, Politics, and Pandemic in Malaysia*. Matahari Books.

Artikel Jurnal

Ahmad, M.Z. (2016). Pendidikan Geografi Di Sekolah-Sekolah Malaysia: Perkembangan Dan Isu. *Geografi* 4(1):1-10.

Hidup, D.S.A., dan Matore, M. (2024). Perancangan sistem pengurusan prestasi penilaian interim bagi prestasi pegawai perkhidmatan pendidikan berteraskan model quadruple helix (Design of interim performance management system for educational service employees based on the quadruple helix model). *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*: 49–65. <https://doi.org/10.33306/mjssh/265>

Jusoh, M. dan Hassan, O. R. (1989). Belanjawan 1990: Antara Kepentingan Semasa dan Matlamat Dasar Ekonomi Negara. *Jurnal Ekonomi Malaysia*: 97–123.

Said, A., Mohamad, W., dan Ruzanna, W.M. (2023). Pemansuhan UPSR: Kesediaan guru bahasa Melayu tahun enam dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 5(1): 181-191. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.15>

Yusoff, N., dan Zulkipli, I. (2025). Resilient Governance in the Age of Populism: Strengthening Public Administration Integrity Through Public Service Remuneration System (SSPA). *Asian Review of Public Administration (ARPA)* 33(1): 75–94. <https://doi.org/10.64423/arpa.v33i1.69>

Prosiding Konferen

Kasim, J. (2003). Strategi kearah kecemerlangan akademik. *Prosiding KONAKA Konferensi Akademik 2003*. 2-8 <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/58264/>

Laman Sesawang

Parlimen Malaysia (Mac, 2025). *Senarai Setiausaha Dewan Negara*.
<https://www.parlimen.gov.my/setiausaha.html?uweb=dn&>

Parlimen Malaysia (Mac, 2025). *Senarai Setiausaha Dewan Rakyat*.
<https://www.parlimen.gov.my/setiausaha.html?uweb=dr>

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002. (Ogos, 2025). *Lampiran B*
<https://www.kompetensi.jpa.gov.my/ptkonline/fail/pekeliling/ppb042002lamb.pdf>

Perlembagaan Persekutuan 2020 (Ogos 2025). *Perkara 65: Setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat*. <https://lom.agc.gov.my/federal-constitution.php>